A

Nanthakumar a/l N Pitchai Manickam lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN JENAYAH NO PA-425–1–03 TAHUN 2020
MOHD RADZI PK
1 SEPTEMBER 2021

C

Prosedur Jenayah — Rayuan terhadap sabitan — Pelaburan tanpa lesen — Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan — Sama ada jumlah wang yang ditukarkan kepada 'point' yang merupakan satu deposit pelaburan — Sama ada pihak pendakwaan telah gagal membuktikan pindahan wang yang menjadi inti pati pertuduhan — Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 s 137(1) & (2)

D

Pengadu ('SP1') telah membuat pelaburan dagangan mata wang asing yang dikendalikan oleh satu syarikat yang dikenali sebagai FX United. Pelaburan itu telah diperkenalkan kepada SP1 melalui seminar dagangan mata wang asing yang telah dikendalikan oleh FX United. Perayu adalah salah seorang dari

E

Introducer Broker ('IB') dan pemberi taklimat di seminar itu. Lanjutan dari seminar tersebut SP1 telah membuat keputusan untuk membuat pelaburan sebanyak RM27,600 yang telah dipindah secara talian ke akaun The Young Millionaires Marketing ('TYMM') di Malayan Banking Bhd ('Akaun tersebut') melalui beberapa transaksi pindahan ('pelaburan tersebut'). TYMM

F

telah diwakili oleh perayu dan setelah pindahan wang dibuat oleh SP1 beliau telah memaklumkan perayu. Pertuduhan terhadap perayu adalah berkaitan pelaburan yang telah dibuat oleh SP1 berjumlah RM4,400 pada 14 April 2016. Menurut SP1 setelah membuat pelaburan itu beliau hanya menerima satu bayaran pulangan sebanyak RM2,100 sahaja dan selepas itu tidak lagi

G

menerima apa-apa pembayaran SP1 telah menanyakan perayu mengenai kedudukan pelaburannya dan mengikut keterangan SP1, perayu telah menjanjikan bahawa syarikat akan membuat pembayaran pelaburan tersebut pada bulan Disember 2016 dan apabila tiada pembayaran diterima pada bulan Disember 2016 perayu mengatakan pembayaran akan dibuat pada bulan

H

Februari 2017. Setelah SP1 gagal menghubungi perayu selepas tempoh itu SP1 telah membuat laporan polis. Keterangan yang dikemukakan mendapati bahawa perayu dan TYMM tidak diberi lesen dan kelulusan untuk menjalankan perniagaan menerima deposit dan dagangan mata wang asing. Hasil siasatan menunjukkan terdapat penipuan di dalam bentuk pelaburan.

I

Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan terdapat kes prima facie dan pembelaan gagal membangkitkan keraguan munasabah ketika akhir kes pembelaan. Isu untuk rayuan ini adalah: (a) sama ada jumlah wang yang ditukarkan kepada 'point' yang merupakan satu deposit di bawah s 136 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ('Akta'); (b) sama ada pihak pendakwaan telah

gagal membuktikan pindahan wang sebanyak RM4,400 yang menjadi inti pati pertuduhan. A

Diputuskan, membenarkan rayuan; perayu dilepaskan dan dibebaskan:

(1) Adalah jelas bahawa untuk sesuatu bayaran menjadi satu deposit bagi tujuan ss 136 dan 137 Akta tersebut, bayaran itu merupakan sejumlah wang yang: (a) diterima, dibayar atau diserah; (b) atas syarat; dan (c) akan dibayar balik atau dikembalikan tanpa mengambil kira sama ada pembayaran balik atau pengembalian itu adalah secara ansuran, dengan atau tanpa faedah atau balasan lain dalam bentuk wang atau nilai wang. Dengan yang demikian dalam membuktikan satu kes prima facie di bawah Pertuduhan tersebut, pihak pendakwaan mempunyai beban pembuktian bahawa pembayaran yang dibuat oleh SP1 merupakan satu jumlah wang yang telah dibayar dengan mempunyai ciri-ciri 'deposit' yang diperuntukkan di bawah s 136 Akta tersebut. Mahkamah merujuk kepada elemen-elemen definisi 'deposit' seperti yang terkandung di dalam s 136 Akta tersebut. Seksyen 136 Akta jelas memperuntukan wang yang diserah atau dibayar adalah di atas terma atau 'upon terms' bahawa wang itu akan dibayar semula atau dikembalikan (lihat perenggan 17–18). B C D E

(2) Memandangkan SP1 mempunyai satu akaun dan akses terhadapnya sebagai 'ID Trader' dengan FX United, maka, sudah pasti hubungan kontrak berkaitan pelaburan itu adalah antara SP1 dengan FX United, bukan dengan perayu yang cuma berperanan sebagai IB. Walau bagaimanapun, tiada keterangan dikemukakan oleh SP1 tentang hubungan kontrak bertulis, apa-apa janji atau terma yang telah dipersetujui antara SP1 dan perayu mengenai pelaburan itu. Maka, timbul persoalan sama ada terdapat terma yang mengatakan wang pelaburan yang telah dibayar akan dikembalikan atau dibayar semula mengikut s 136 Akta. Hujahan responden bahawa syarat tentang bayaran semula wang pelaburan dibuktikan apabila SP1 menerima jumlah RM2,100 daripada perayu tidak meyakinkan. Ini kerana, bayaran ini mungkin adalah bayaran keuntungan daripada FX United dan bukan bayaran kembali atau semula pelaburan SP1 berdasarkan terma-terma yang disetujui antara SP1 dengan perayu. Terdapat lebih daripada satu kemungkinan tentang tujuan pembayaran wang ini, lantas menimbulkan keraguan munasabah sama ada pembayaran ini adalah berdasarkan terma yang disetujui antara pihak-pihak. Peranan perayu hanyalah menukarkan wang pelaburan kepada mata wang US Dollar agar itu dapat didagangkan melalui FX United. Oleh itu, perayu tidak boleh dikatakan menerima deposit daripada SP1 untuk manfaat skima pelaburan. Selain berfungsi sebagai broker bebas, tidak ada keterangan dikemukakan menunjukkan perayu adalah pekerja FX United (lihat perenggan 21–22, 24, 26 & 28). F G H I

(3) Responden gagal membuktikan adanya satu perjanjian yang menetapkan terma bayaran semula antara SP1 dengan perayu. Dakwaan SP1, bahawa bayaran semula adalah dijamin, tidak disokong oleh keterangan dokumentar. Malahan, dia sendiri mengakui jaminan itu tidak dinyatakan dalam laporan polis yang dibuatnya. Dengan itu, dapatan HMS bahawa SP1 telah dijanjikan dengan bayaran semula adalah satu kekhilafan. Tambahan lagi, pernyataan pelabur akan mendapat 12% sebulan tidak boleh dianggap sebagai satu perjanjian berikutan itu hanya dibayangkan pada seminar dan bukan satu keterangan aku janji daripada SP1. Jelas bahawa aktiviti dagangan wang asing sebenarnya dilakukan oleh FX United dan bukan perayu atau TYMM. Perayu hanya bertindak sebagai seorang broker manakala akaun TYMM digunakan semata-mata untuk tujuan penerimaan wang pelaburan yang bakal ditukarkan pada point mata wang US Dollar. Walaupun disetujui terdapat satu bayaran dan penerimaan deposit, namun, deposit ini sebenarnya diterima oleh FX United dan bukan perayu, kerana wang SP1 telah ditukar kepada point dan didaftarkan dengan FX United sebagai pihak yang menjalankan perniagaan (lihat perengan 31–33).

(4) Kegagalan responden memanggil pemilik syarikat FX United, Dato Amir, mengakibatkan satu kelompangan dalam kesnya kerana jelas, pelaburan SP1, peranan perayu dan penggunaan akaun TYMM, semuanya adalah terkait dengan FX United dan Dato' Amir yang disebut oleh SP4 dalam keterangannya. Disebabkan itu, Dato' Amir adalah seorang saksi yang material untuk menjelaskan perkara-perkara tersebut. Kegagalan ini menyebabkan timbulnya satu inferens, melalui keterangan SP4, bahawa perayu tidak mengambil deposit dan dia hanya menukar wang kepada point US Dollar untuk didagangkan oleh FX United. Berdasarkan perkara-perkara di atas, HMS gagal: (a) menilai secara kritikal semua keterangan di akhir kes pendakwaan dan memberi pertimbangan yang saksama terhadap keterangan SP4 yang mengikat kes responden; dan (b) menilai isu hubungan kontrak antara SP1 dan FX United dan pada siapa terletaknya obligasi untuk membayar pulangan wang pelaburan itu. Responden pula gagal membuktikan perjanjian antara SP1 dan perayu berserta termanya tentang bayaran semula yang menjadi inti pati definisi deposit bawah s 136 Akta. Oleh sebab itu, perayu tidak boleh dikatakan telah menerima deposit menurut s 137 Akta seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan. Responden gagal membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Perayu juga tidak sepatutnya diperintahkan untuk memasukkan pembelaannya. Rayuan perayu terhadap sabitan dibenarkan. Dia dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan (lihat perengan 36, 38 & 40)

[Bahasa Malaysia summary

The complainant ('SP1') had invested in foreign currency trading investments operated by a company called FX United. The investment was introduced to SP1 through a foreign currency trading seminar conducted by FX United. The appellant was one of the Introducer Brokers ('IB') and a speaker at the seminar. Following the seminar, SP1 decided to invest RM27,600 which was transferred online to The Young Millionaires Marketing ('TYMM') account at Malayan Banking Bhd ('the account') through several transfer transactions ('the investment'). TYMM was represented by the appellant and upon the transfer of money SP1 he informed the appellant. The charge against the appellant related to the investments made by SP1 amounting to RM4,400 on 14 April 2016. According to SP1 after making the Investment he received only one return payment of RM2,100 only and after that he no longer received any payment. SP1 had asked the appellant about his investment position and according to SP1's evidence, the appellant had promised that the company would make the investment payment in December 2016 and when no payment was received in December 2016 the appellant said the payment would be made in February 2017. After SP1 failed to contact the Appellant after that period, SP1 lodged a police report. The evidence found that the appellant and TYMM were not given a licence and approval to conduct business accepting deposits and foreign currency trades. The investigation indicated that there was fraud in the form of investments. Sessions court judges ('SCJ') had ruled that there was a prima facie case and the defence had failed to raise reasonable doubt at the end of the defence case. The issues for appeal were: (a) whether the sums converted into 'point' is a deposit as stated under s 136 of the Financial Services Act 2013 ('the Act'); and (b) whether the prosecution had failed to prove that there was transfer of RM4,400 being the ingredient of the charge.

Held, allowing appeal; accused discharge and acquit:

(1) It was clear that for a payment to be a deposit for the purposes of ss 136 and 137 of the Act, the payment constitutes a sum which: (a) was received, paid or surrendered; (b) on condition; and (c) be refunded or refunded irrespective whether the repayment or return was in instalments, with or without interest or other consideration in the form of money or value of money. Thus, in proving a prima facie case under the charge, the prosecution has the burden of proof that the payment made by SP1 constitutes an amount of money paid by having the characteristics of 'deposit' provided for under s 136 of the Act. This court referred to the elements of the definition of 'deposit' as contained in s 136 of the Act. Section 136 of the Act clearly reads that money that was surrendered or paid was on the terms or 'upon terms' that the money would be repaid or returned (see paras 17–18).

(2) Since SP1 had an account and accessed to it as a Trader ID with FX

A United, it was certain that the relationship between SP1 and FX United, not with the appellant acted solely as an IB. Thus, the question was whether there were terms for the investment money paid would be refunded or repaid in accordance with s 136 of the Act. The respondent's argument that the conditions for the repayment of investment money
B were proved when SP1 received a sum of RM2,100 from the appellant was inconclusive. This was due to this payment might be a profit payment from FX United and not a refund or repayment of SP1 investment based on the terms agreed between SP1 and the appellant. There was more than one inference as to the purpose of payment of this
C money, thus raised a reasonable doubt as to whether this payment was based on the terms agreed between the parties. The appellant's role was to convert investments into US Dollars in order for that to be traded through FX United. Therefore, the appellant could not be said to accept deposits from SP1 for the benefit of the investment scheme. In addition
D to serving as an independent broker, no evidence presented indicated the appellant was an employee of FX United (see paras 21–22, 24, 26 & 28).

(3) The respondent failed to prove that there was an agreement with the the terms of repayment between SP1 and the appellant. SP1's claim, that the
E refund was guaranteed, was not supported by documentary evidence. In fact, he himself admitted the assurance was not specified in the police report he made. Thus, HMS's finding that SP1 has been promised a repayment was a misdemeanor. Furthermore, an investor statement would get 12% per month should not be considered as an agreement as
F follows only imagined at the seminar and not an undertaking evidence from SP1. It was clear that foreign money trading activities were actually carried out by FX United and not the appellant or TYMM. The appellant acted as a broker only while TYMM accounts were used solely for the purpose of receiving investment money which would be converted at US
G Dollar points. Although it was agreed that there was a single payment and deposit receipt, however, this deposit was actually accepted by FX United and not the appellant, as the SP1 money had been converted to a point and registered with FX United as a business party perversion (see paras 31–33).

H (4) The respondent's failure to call the owner of THE FX United company, Dato Amir, resulted in a gap in prosecution case. This was due to the SP1 investments, the role of the appellant and the use of TYMM accounts, all related to FX United and Dato' Amir mentioned by SP4 in his evidence. Therefore, Dato' Amir was a material witness to explain such matters.
I This failure led to an inference, through SP4 evidence, that the appellant did not take a deposit and that he only converted the money to the US Dollar point for trading by FX United. Based on the above, HMS failed: (a) to critically assesed all evidence at the end of the prosecution case and considered the evidence of SP4 which was binding to the respondent's

case; and (b) assess the issue of contractual relationship between SP1 and FX United and on whom the obligation was located to pay the return on the investment. The respondent, on the other hand, failed to prove the agreement between SP1 and the appellant together with its terms on repayment which was at the core of the definition of deposit under s 136 of the Act. Therefore, the appellant could not be said to have received a deposit according to s 137 of the Act as stated in the charge. The respondent failed to prove a prima facie case against the appellant. The appellant should also not had been ordered to enter his defense. The appellant's appeal against the conviction was allowed. He was acquitted and acquitted of the charge (see paras 36, 38 & 40).]

Kes-kes yang dirujuk

Arba' ei bin Othman dan lain-lain lwn Pendakwa Raya dan rayuan-rayuan lain [2014] 6 MLJ 94; [2014] 7 CLJ 32, MR (dirujuk)
Cantona Lim Xiang Kim v PP [2020] 1 MLJ 544, MR; [2019] MLJU 326; [2020] 1 CLJ 63 (dirujuk)
Collins Chigbo Chima v PP [2019] MLJU 84; [2019] 1 LNS 107, MR (dirujuk)
Gemilang Mirza Sdn Bhd & Ors v PP [2014] 11 MLJ 300; [2013] 9 CLJ 214, HC (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52, MP (dirujuk)
Ho Tze Kean v PP & Another Appeal [2018] 2 MLJ 721; [2018] 3 CLJ 71, MR (dirujuk)
John Nyumbei v PP [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ss 10, 136, 137(1), (2)
Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989 ss 2, 25(1)

Mahendran Veloo (Mahen & Co) bagi pihak perayu.
Mohammad Nazri bin Abdul Rahim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohd Radzi PK:

LATAR BELAKANG

[1] Ini adalah rayuan oleh pihak perayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen di Gerogetown, Pulau Pinang ('hakim MS') yang telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1 juta, jika gagal bayar penjara 18 bulan ke atas perayu untuk satu kesalahan di bawah s 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ('Akta') di akhir kes pembelaan ('rayuan')

[2] Pertuduhan terhadap perayu ('pertuduhan') adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14 April 2016 jam lebih kurang 9.00 malam bertempat di Maybank Jalan Burma 10350 Pulau Tikus, di dalam Daerah Timur Laut, di dalam Negeri Pulau Pinang, kamu telah menerima deposit daripada satu lelaki India Muslim bernama Mohd Sharizan John bin Abdullah (KPT: 701217-04-5341) berjumlah RM4,400.00 tanpa suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 137(1) Akta yang sama dan boleh dihukum di bawah seksyen 137(2) Akta yang sama.

PROSIDING DI MAHKAMAH SESYEN

Kes pendakwaan

[3] Fakta kes pendakwaan adalah diringkaskan seperti berikut:

(a) SP1 (Mohd Shahrizan John bin Abdullah) telah membuat pelaburan dagangan mata wang asing yang dikendalikan oleh satu syarikat yang dikenali sebagai FX United. Pelaburan itu telah diperkenalkan kepada SP1 melalui seminar dagangan mata wang asing yang telah dikendalikan oleh FX United. Perayu adalah salah seorang dari *Introducer Broker* ('IB') dan pemberi taklimat di seminar itu;

(b) lanjutan dari seminar tersebut SP1 telah membuat keputusan untuk membuat pelaburan sebanyak RM27,600 yang telah dipindah secara talian ke akaun The Young Millionaires Marketing ('TYMM') No 5571 6630 4470 di Malayan Banking Bhd ('akaun') melalui beberapa pindahan pada 14 April 2016 (RM4,400), 6 Mei 2016 (RM2,200) dan 29 Julai 2016 (RM21,000) ('pelaburan'). TYMM telah diwakili oleh perayu dan setelah pindahan wang dibuat oleh SP1, beliau telah memaklumkan perayu. Subjek pertuduhan adalah berkaitan pelaburan yang telah dibuat oleh SP1 berjumlah RM4,400 pada 14 April 2016;

(c) mengikut SP1 setelah membuat pelaburan itu beliau hanya menerima satu bayaran pulangan sebanyak RM2,100 sahaja dan selepas itu tidak lagi menerima apa-apa pembayaran. SP1 telah menanyakan perayu mengenai kedudukan pelaburannya dan mengikut keterangan SP1 perayu telah menjanjikan bahawa syarikat akan membuat pembayaran pelaburan pada bulan Disember 2016 dan apabila tiada pembayaran diterima pada bulan Disember 2016 perayu mengatakan pembayaran akan dibuat pada bulan Februari 2017. Setelah SP1 gagal menghubungi perayu selepas tempoh itu SP1 telah membuat laporan polis (eksh P1);

(d) transaksi pemindahan wang pelaburan dari akaun SP1 kepada akaun TYMM telah dibuktikan melalui keterangan SP1, SP3 (Tiong Yiaw Foo) dan penyata akaun ekshs P7 dan P8. SP3 adalah Pembantu Pengurus Maybank Prai Industrial Estate;

(e) SP2 (Mazlan bin Ariffin) merupakan pegawai dari Bank Negara Malaysia ('BNM') telah memberi keterangan bahawa perayu dan TYMM tidak diberi lesen dan kelulusan untuk menjalankan perniagaan menerima deposit dan dagangan mata wang asing. SP2 telah mengesahkan beliau telah mengeluarkan dua surat (ekshs P5 dan P6) sebagai menjawab surat bertarikh 23 April 2018 yang telah dikeluarkan oleh SP5 (Insp Azura bt Aripin) Pegawai Penyiasat (ekshs P3 dan P4) untuk semakan status pendaftaran syarikat pelaburan forex. Kedua-dua ekshs P5 dan P6 telah mengesahkan bahawa perayu dan TYMM tidak diberi lesen dan kelulusan oleh pihak BNM untuk menjalankan perniagaan pelaburan mata wang asing dengan mengutip pelaburan daripada orang ramai;

(f) SP4 sebagai pemilik akaun TYMM melalui keterangannya mengatakan bahawa beliau telah memberi izin kepada perayu untuk mengakses dan menggunakan akaun tersebut melalui satu perjanjian bertulis 'Agreement of Usage of The Young Millionaires Marketing (PG0251660-X) Maybank Account No 5571 6630 4470' (eksh P9). Tujuan penggunaan akaun itu adalah sebagai akaun penerimaan wang oleh perayu sebagai *Mini Introducer Broker* ('IB') untuk tujuan urusan pelaburan pelanggan dengan FX United; dan

(g) SP5 telah memberi keterangan bahawa melalui siasatannya perayu, TYMM dan FX United tidak mempunyai kelulusan dan lesen untuk menjalankan perniagaan pelaburan mata wang asing. Hasil siasatan SP5 menunjukkan terdapat penipuan dalam bentuk pelaburan.

Dapatan hakim MS di akhir kes pendakwaan

[4] Berpandukan alasan penghakiman di Jld 1 Rekod Rayuan, hakim MS telah memberi penilaian ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak responden dan telah memutuskan bahawa pihak responden telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu dan perayu telah diperintahkan untuk memasukkan pembelaan terhadap pertuduhan. Di akhir kes pembelaan hakim MS mendapati perayu telah gagal membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes melampaui keraguan munasabah terhadap perayu.

[5] Ringkasan alasan-alasan hakim MS dalam mencapai keputusan itu adalah seperti berikut:

(a) di akhir kes pendakwaan hakim MS mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan: (i) pemindahan wang dari akaun SP1 kepada akaun TYMM adalah di atas permintaan dan pengetahuan perayu; (ii) perayu dan TYMM tidak mempunyai apa-apa kelulusan

atau lesen dari BNM untuk menjalankan perniagaan pelaburan mata wang asing; dan (iii) wang yang telah dipindahkan oleh SP1 ke Akuan TYMM merupakan satu deposit seperti yang diperuntukkan di bawah s 136 Akta di mana hakim MS mendapati SP1 telah dijanjikan dengan pulangan ke atas pelaburan tersebut; and

(b) di akhir kes pembelaan, hakim MS mendapati pihak pembelaan gagal membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan di atas alasan: (i) hakim MS menolak bahawa pertukaran wang kepada *point* adalah satu pembelaan terhadap perbuatan menerima deposit di bawah s 136 Akta; (ii) perbuatan perayu menguruskan pelaburan SP1 dan pelaburan itu merupakan pelaburan yang tidak mendapat kelulusan dan lesen dari BNM; dan (iii) pihak pembelaan tidak mempertikaikan bahawa SP1 telah membuat satu pelaburan.

RAYUAN INI

[6] Alasan-alasan rayuan pihak perayu adalah seperti yang terkandung dalam petisyen rayuan pihak perayu di dalam Jld 1 Rekod Rayuan.

[7] Tidak ada rayuan balas daripada pihak responden.

HUJAHAN SEWAKTU PERBICARAAN

[8] Hujahan pihak perayu tertumpu kepada isu sama ada jumlah wang yang telah dipindahkan oleh SP1 kepada akaun TYMM merupakan satu deposit di bawah s 136 Akta. Peguam bela bagi pihak perayu menghujahkan bahawa duit pelaburan itu telah ditukar kepada 'point' dan kemudian telah didagangkan melalui FX United. Dengan itu 'point' itu tidak boleh dikira sebagai satu deposit. Rujukan dibuat kepada keterangan SP5 di mana semasa pemeriksaan balas, SP5 mengesahkan tidak terdapat unsur pengambilan deposit di dalam kes ini. Turut dihujahkan SP1 tidak memberi apa-apa keterangan tentang apa-apa syarat yang telah dipersetujui di antara SP1 dan perayu berkenaan pembayaran balik dan pengembalian wang seperti yang di peruntukkan di dalam definisi deposit di bawah s 136 Akta.

[9] Peguam bela bagi pihak perayu turut berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan pindahan wang sebanyak RM4,400 yang menjadi intipati pertuduhan. Tambahan pula jumlah RM4,400 itu tidak disebut di dalam laporan polis SP1.

[10] Pihak responden berhujah bahawa pelaburan yang telah dibuat oleh SP1 dimasukkan dalam Akuan TYMM di atas permintaan SP1 merupakan satu deposit di bawah s 136 Akta. Walaupun pelaburan tersebut telah ditukar kepada *point* namun perayu telah menerima pelaburan itu sebagai deposit

terlebih dahulu. Pihak responden telah akur bahawa tidak ada keterangan mengenai apa-apa perjanjian atau persetujuan terma di antara SP1 dan perayu, namun begitu pihak responden menghujahkan bahawa pembayaran RM2,100 yang diterima oleh SP1 daripada perayu membuktikan adanya persetujuan mengenai pembayaran pulangan di atas pelaburan itu.

[11] Mengenai pemindahan wang RM4,400 yang menjadi intipati pertuduhan, pihak responden menghujahkan transaksi pemindahan wang pelaburan telah dibuktikan melalui keterangan SP1 dan eksh P7. Walaupun jumlah pelaburan tidak dinyatakan di dalam eksh P7 tetapi berdasarkan kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52, mahkamah ini harus menerima bahawa sesuatu laporan polis bukan suatu keterangan substantif tetapi hanya memenuhi kehendak keterangan sokongan.

BIDANG KUASA DAN TUGAS MAHKAMAH RAYUAN

[12] Undang-undang berkaitan bidang kuasa dan tanggungjawab Mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan setelah perbicaraan penuh adalah jelas dan mantap. Mahkamah ini merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Cantona Lim Xiang Kim v Public Prosecutor* [2020] 1 MLJ 544; [2019] MLJU 326; [2020] 1 CLJ 63, di mana Tengku Maimun HMR (pada ketika itu) telah menyatakan:

> [19] As a matter of principle, an appellate court will not intervene with a decision of a trial court with whom the law entrusts the primary task of evaluating the evidence. The appellate court would only intervene if it is convinced that there was no judicial appreciation by the trier of fact of the evidence adduced at the trial and that the trial court was shown to be plainly wrong in arriving at its decision. (see UEM Group Bhd (previously known as *United Engineers (M) Bhd v Genisys Integrated Engineers Pte Ltd & Anor* [2018] supp MLJ 363; *Hamit bin Matusin & Ors v Penguasa Tanah dan Survei & Anor and another appeal* [2006] 3 MLJ 289; *Public Prosecutor v Ahmad Firdaus bin Zulkifli* [2017] 3 MLJ 492).
>
> [20] In *Davendar Singh Sher Singh v Public Prosecutor* [2012] MLJU 321; [2012] 1 LNS 261, Azahar Mohammed, JCA (as he then was) had this to say on appellate intervention (at p 6):
>
> > [9] ... Nonetheless, it would be open to us to upset the findings made by a trial judge if such a finding is not supported by evidence or the decision is against the weight of the evidence or there is no proper judicial evaluation of the evidence or there is misdirection in law or the trial court has fundamentally misdirected itself. In this regard, judicial appreciation and evaluation of evidence is at the heart of the duty of the learned trial judge. It is the duty of the learned trial judge to undertake a positive evaluation of the evidence, which includes a careful analysis of the credibility and reliability of the witnesses for the prosecution (see: *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85). It is also his duty to consider the entire evidence presented before him, including the evidence which favours the defence. On what constitutes judicial appreciation of

evidence, it is apt to bear in mind the following words of Gopal Sri Ram JCA (as he then was) in *Lee Ing Chin & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97]; [2003] 2 CLJ 19:

> A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same.

[13] Berpandukan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, maka adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk memberi penilaian kepada persoalan sama ada mahkamah perbicaraan telah memberikan penilaian yang wajar dan secukupnya ke atas semua keterangan yang telah diberi oleh saksi-saksi pihak responden dan sama ada mahkamah perbicaraan telah mencapai satu dapatan yang betul berdasarkan keterangan-keterangan yang sedia ada.

ANALISA OLEH MAHKAMAH INI

Peruntukan undang-undang mengenai definisi 'deposit'

[14] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati isu tunggak di dalam rayuan ini adalah sama ada wang pelaburan yang telah dibayar oleh SP1 kepada perayu merupakan satu deposit mengikut definisi di bawah s 136 Akta. Definisi 'deposit' di bawah s 136 Akta adalah terpakai untuk kesalahan di bawah s 137 Akta.

[15] Sekyen 137 Akta memperuntukkan:

> (1) No person shall accept deposits except under a licence granted under section 10 regardless of whether the transaction is described as a loan, an advance, an investment, a savings, a sale or a sale and repurchase or by whatever name called.
>
> (2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding ten years or to a fine not exceeding fifty million ringgit or to both.

[16] Seksyen 136 Akta pula mendefinisikan 'deposit' sebagai berikut:

> For the purposes of sections 137 and 138, 'deposit' means *a sum of money* or any precious metal or precious stone, or any article or thing as may be prescribed by the Minister, on the recommendation of the Bank, accepted, *paid or delivered on terms under which it will be repaid or returned in full,* regardless whether the repayment or return is by way of instalments, with or without interest or any other consideration in money or money's worth, either on demand or at a time or in circumstances agreed by or on behalf of the person making the payment or delivery and the person accepting it, but excludes money paid *bona fide* —
>
> (a) by way of an advance or a part payment under a contract for the sale, hire or other provision of property or services, and is repayable only in the event that the property or services are not in fact sold, hired or otherwise provided;
>
> (b) by way of security for the performance of a contract or by way of security in respect of any loss which may result from the non-performance of a contract;
>
> (c) without limiting paragraph *(b),* by way of security for the delivery up or return of any property, whether in a particular state of repair or otherwise; and
>
> (d) in such other circumstances, or to or by such other person, as set out in Schedule 2.

[17] Adalah jelas bahawa untuk sesuatu bayaran menjadi satu deposit bagi tujuan ss 136 dan 137 Akta, bayaran itu merupakan sejumlah wang yang: (a) diterima, dibayar atau diserah; (b) *atas syarat*; dan (c) *ia akan dibayar balik atau dikembalikan* tanpa mengambil kira sama ada pembayaran balik atau pengembalian itu adalah secara ansuran, dengan atau tanpa faedah atau balasan lain dalam bentuk wang atau nilai wang.

[18] Dengan yang demikian dalam membuktikan satu kes prima facie di bawah pertuduhan, pihak pendakwaan mempunyai beban pembuktian bahawa pembayaran yang dibuat oleh SP1 merupakan satu jumlah wang yang telah dibayar dengan mempunyai ciri-ciri 'deposit' yang diperuntukkan di bawah s 136 Akta. Berkaitan dengan isu ini, rujukan dibuat kepada keputusan di dalam kes *Gemilang Mirza Sdn Bhd & Ors v Public Prosecutor* [2014] 11 MLJ 300; [2013] 9 CLJ 214 di mana mahkamah memutuskan pihak pendakwaan harus membuktikan elemen-elemen yang membentuk satu deposit seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Sekiranya elemen definisi tersebut dibuktikan maka adalah kemudian menjadi kewajipan tertuduh untuk membuktikan bahawa dia mempunyai lesen untuk menerima deposit:

> [10] From the above provisions referred to, it is amply clear that reading ss 4 and 6(4) BAFIA together with s 25(1) of the BAFIA, the offence under s 25(1) appears

A to be akin to an offence of strict liability in the sense that a valid licence is absolutely necessary for any person to receive, take or accept deposits within the meaning ascribed to under the BAFIA and it is for the person who receives, takes or accepts deposits to show that the said 'deposits' were not as defined under s 2 as modified under s 25(3) of the BAFIA or that such 'payments or repayments' were money paid
B bona fide as provided in the four limbs (A) to (D) in the definition of 'deposit' under s 2. From the definition of 'deposit', *the respondent needs to prove that* a sum *of money received by or paid to the appellants* is *on the terms that (a) under which it will be repaid, with or without interest or at* a *premium or discount; or (b) under which it* is *repayable, either wholly or in part, with any consideration in money's worth.* So long as one of
C these ingredients is proved, there is no necessity for the respondent to prove that the appellants did not possess a valid licence granted under s 6(4) of the BAFIA. ...

[19] Manakala di dalam kes *Arba'ei bin Othman dan lain-lain lwn Pendakwa Raya dan rayuan-rayuan lain* [2014] 6 MLJ 94; [2014] 7 CLJ 32, Mahkamah
D Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

> [19] Dalam konteks kes ini, pada pandangan kami, untuk membuktikan kesalahan di bawah s 25(1), apa yang hanya perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah sama ada pada masa dan tempat yang berkenaan, PLSB telah menerima deposit
E sepertimana yang ditakrifkan di bawah s 2(1) dibaca bersama dengan s 25(3) BAFIA.

[20] Kedua-dua kes ini melibatkan pertimbangan mengenai sama ada bayaran yang telah dibuat merupakan deposit di bawah s 25(1) Akta Institusi
F Perbankan dan Kewangan 1989 ('BAFIA') yang telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Seksyen 2 BAFIA memperuntukkan definisi 'deposit' yang hampir sama cirinya dengan definisi 'deposit' di bawah s 136 Akta:

> (a) 'deposit' means a sum of money received or *paid on terms* —
G
> *under which it will be repaid,* with or without interest or at a premium or discount; *or*
>
> (b) *under which it is repayable,* either wholly or in part, with any consideration in money or money's worth,
H
> and such repayment being either on demand or at a time or in circumstances agreed by or on behalf of the person making the payment and the person receiving it, regardless whether the transaction is described as a loan, an advance, an investment, a saving, a sale or a sale and repurchase, but does not include money paid *bona fide* —
I
> (A) by way of an advance or a part payment under a contract for the sale, hire or other provision of property or services, and is repayable only in the event that the property or services is not or are not in fact sold, hired or otherwise provided;
>
> (B) by way of security for the performance of a contract or by way of security in respect of any loss which may result from the non-performance of a contract;

(C) without prejudice to paragraph (B), by way of security for the delivery up or return of any property, whether in a particular state of repair or otherwise; and

(D) in such other circumstances, or to or by such other person, as specified in the First Schedule;

Penilaian keterangan

[21] Maka dengan merujuk kepada fakta kes dan keterangan saksi pendakwaan adalah jelas dari keterangan SP1 apabila ditanya oleh hakim MS SP1 meflgakui telah membuat satu pelaburan dengan FX United dan bukan satu deposit. Bahkan SP1 sendiri mengaku memiliki satu akaun dengan platform FX United. lni bererti SP1 adalah seorang pelabur yang melabur dalam aktiviti dagangan jual beli mata wang asing iaitu US Dollar melalui FX United. Pelaburan itu dibuktikan melalui keterangan SP1 bahawa SP1 mempunyai akses kepada akaunnya di FX United sebagai 'ID Trader'.

[22] Oleh sebab SP1 telah mempunyai akaun langsung dengan FX United, maka sudah pasti hubungan kontrak mengenai pelaburan itu adalah antara SP1 dengan FX United dan bukan dengan perayu. Mengikut keterangan SP1, perayu hanya bertindak sebagai *Introducer Broker* ('IB'). Tidak ada keterangan yang menunjukkan SP1 mempunyai hubungan kontrak bertulis dengan perayu atau telah membuat apa-apa janji dengan SP1 mengenai pelaburan tersebut.

[23] Persoalannya, adakah wang yang telah dipindahkan oleh SP1 kepada perayu melalui akaun TTYM merupakan satu deposit? Untuk menjawab persoalan itu, mahkamah ini merujuk kepada elemen-elemen definisi 'deposit' seperti yang terkandung di dalam s 136 Akta. Seksyen 136 Akta jelas memperuntukan wang yang diserah atau dibayar adalah di atas terma atau 'upon terms' bahawa wang itu akan dibayar semula atau dikembalikan. Maka apakah terma atau 'terms' diantara perayu dan SP1 itu?

[24] Mahkamah ini mendapati tidak ada keterangan daripada SP1 tentang 'terma' atau 'terms' yang telah dipersetujui antara SP1 dan perayu dan perkara ini diakui sendiri oleh timbalan pendakwa raya semasa hujahan lisan apabila ditanya oleh mahkamah. Bahkan SP1 tidak mengemukakan keterangan sehingga disoal balas oleh peguam perayu bahawa beliau sebenarnya mempunyai akaun dengan FX United. Oleh sebab SP1 sendiri mengakui beliau telah membuat pelaburan dan pelaburan itu adalah urusan dagangan mata wang asing melalui FX United, maka sudah tentu besar kebarangkalian terdapat satu persetujuan terma antara SP1 dengan FX United dan bukan antara SP1 dengan perayu. Adalah mustahil untuk mahkamah ini mempercayai SP1 telah membuat satu pelaburan dengan jumlah yang besar tanpa apa-apa satu perjanjian yang mengandungi terma-terma pelaburan.

Apakah sebenar terma atau 'terms' pelaburan dengan FX United itu? Adakah terdapat terma bahawa pelaburan itu akan dikembalikan atau dibayar semula mengikut definisi seksyen 136 Akta? Terma itu tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan semasa Pemeriksaan Utama dan isu mengenai akaun SP1 dan 10 Trader SP1 dengan FX United tidak dijelaskan semasa Pemeriksaan Semula. Maka, fakta di dalam kes ini harus dibezakan dengan fakta di dalam kes *Gemilang Mirza Sdn Bhd & Ors* di mana terdapat keterangan mengenai perjanjian dan terma di antara pelabur dan tertuduh mengenai pembayaran semula pelaburan dan keuntungan:

> [14] ... Evidence of PW5, PW7, PW10, PW13, PW14 and PW17 showed that the payments made by them were received by first appellant in the said premises under the alleged business concept of 'Rakan Kongsi Niaga' ('RKN') with 'Untung' (Profit). This RKN concept was a scheme where the amount of capital, in whatever amount it might be, paid to or received by the first appellant from the 'investors' would be for a duration of six months and the capital would be returned, as promised, on the fifth month. According to the 'RKN + Untung' forms P17, P21, P25, P27, P28, P29, P82 and P201 respectively, which the 'investors' were required to fill in with their respective particulars, the 'investors' would receive profit for the capital and interest every month for the duration of the six months and at the fifth month when capital return or repayment would be made to the 'investors', the total amount made out would exceed the capital. Evidence of PW3 to PW7, PW10, PW13, PW14 and PW17 gave the same evidence that the capital 'invested' would be returned to them at the fifth month of their respective 'investments'. Receipts issued by the first appellant to the respective 'investors' vide exhs. P13, P18, P22, P23, P29, P40, P154, P199 and P200 were tendered which proved unequivocally that the first appellant had received the respective payments in its 'RKN + Untung scheme'.
>
> [16] The evidence both oral and documentary is amply clear that the sum of capital 'invested' by the 'investors' in the first appellant would be returned at the fifth month with the profit although the duration of the investment was fixed at six months. This falls squarely within the definition and meaning of 'deposit' under s 2 BAFIA that 'a sum of money received or paid on terms (a) under which it will be repaid, with or without interest or at a premium or discount; or even (b) under which it is repayable, either wholly or in part, with any consideration in money or money's worth and such repayment or return being at a time or in circumstances agreed by or on behalf of the person making the payment and the person receiving it ...'. Such act of receiving money from the public for a fixed duration with the promise to return the same with profits is indeed an activity of the banking system akin to a fixed deposit in a bank or financial institution. With the main ingredient under s 25(1) BAFIA of receiving or taking or accepting deposit frorn the public having been proved and the fact that the appellants did not possess a valid licence granted under s 6(4) BAFIA which the appellants had not and/or could not deny, such evidence undoubtedly warrants the first appellant's defence to be called.

[25] Begitu juga di dalam kes *Arba'ei Othman*, Mahkamah Rayuan telah mendapati terdapat keterangan dokumentasi tentang terma transaksi di antara pengadu dan tertuduh di mana pelabur dijanjikan dengan pulangan semula

wang pokok dan pulangan kepada pelaburan: A

> Dalam kes ini, kami mendapati bahawa terdapat keterangan yang jelas dan mencukupi bahawa PLSB Ieiah menjalankan satu aktiviti penerimaan 'deposit' *di mana pelabur-pelabur dijanjikan dengan pulangan* semula *wang pokok dan juga pulangan kepada pelaburan. Tambahan pula, deposit-deposit yang diterima dan diambil oleh PLSB walaupun dipanggil sebagai 'Kontrak Belian Baucer Barangan'*, *namun pada hakikatnya ia merupakan 'deposit' seperti yang ditakrifkan di bawah* ss 2(1) dan 25(3) BAFIA. (Penekenanan ditambah.) B

[26] Pihak pendakwaan menghujahkan syarat mengenai pembayaran semula tersebut terbukti apabila SP1 menerima pembayaran RM2,100 daripada perayu. Mahkamah mendapati hujahan itu tidak meyakinkan kerana pembayaran tersebut mungkin adalah pembayaran keuntungan pelaburan dari FX United dan bukan satu pembayaran kembali atau pembayaran semula pelaburan oleh SP1 kepada perayu atau diserahkan kembali oleh perayu kepada SP1 ekoran dari satu terma yang dipersetujui di antara SP1 dengan perayu. Terdapat lebih dari satu kemungkinan tentang tujuan pembayaran wang itu dan ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah tentang sama ada pembayaran tersebut adalah berdasarkan terma atau 'terms' yang dipersetujui di antara SP1 dengan perayu atau sebaliknya. C D E

[27] Pada pendapat mahkamah ini penilaian mengenai isu deposit ini harus mengambil kira persoalan kepada siapa terletak obligasi membuat pembayaran balik atau pembayaran semula wang sekiranya bayaran SP1 itu merupakan deposit? Sekiranya SP1 mempunyai urusan langsung dengan FX United berdasarkan akaun 10 Trader yang dimiliki oleh SP1, maka sudah pasti terdapat satu hubungan kontrak antara SP1 dengan FX United dan dengan yang demikian tanggungjawab itu terletak pada FX United dan bukan SP1. Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak responden diperingkat kes pendakwaan, Mahkamah tidak mendapati perayu mempunyai tanggungjawab itu atas sebab: (a) SP1 mempunyai hubungan langsung dengan FX United melalui akaun sebagai *ID Trader;*; (b) perayu hanya bertindak sebagai *Introducer Broker* ('18'); dan (c) tiada keterangan yang meletakkan tanggungjawab itu ke atas SP1. Di samping itu, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu sendiri telah menjalankan aktiviti dagangan mata wang asing bagi pihak SP1 atau perayu telah memanfaatkan pembayaran pelaburan oleh SP1 untuk dirinya. F G H

[28] Pada pendapat mahkamah, berdasarkan keterangan SP1 peranan perayu hanya untuk menukarkan wang pelaburan kepada mata wang US Dollar supaya ia dapat didagangkan melalui FX United. Dalam keadaan yang demikian, mahkamah ini berpendapat perayu tidak boleh dikatakan sebagai menerima satu deposit daripada SP1 untuk manfaat satu skima pelaburan yang dijalankan oleh perayu sendiri seperti yang terdapat di dalam kes *Gemilang* I

Mirza Sdn Bhd dan *Arba'ei Othman*. Selain hanya berfungsi sebagai seorang broker bebas tidak ada keterangan bahawa perayu adalah pekerja FX United

[29] Pihak responden juga telah menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan SP2, pengambilan deposit di bawah Akta adalah berkenaan pengambilan deposit oleh institusi kewangan yang dilesenkan. Oleh sebab TYMM bukan institusi kewangan maka TYMM dan perayu tidak dibenarkan untuk menerima deposit. Maka, apabila perayu menerima pelaburan itu daripada SP1 ia merupakan satu pengambilan deposit. SP2 juga memberi keterangan bahawa setiap pengambilan deposit harus dikembalikan.

[30] Setelah meneliti keterangan SP2, mahkamah mendapati hakim MS telah gagal untuk menilai keterangan SP2 secara menyeluruh di mana semasa pemeriksaan utama SP2 telah menyatakan dengan jelas bahawa dari konteks BNM tafsiran pengambilan deposit hanya dilesenkan kepada institusi kewangan dan pengambilan deposit menjanji pulangan dalam bentuk dividen dan menjanji pulangan prinsipal sepenuhnya. Jawapan ini ditekan semula semasa pemeriksaan semula di mana SP2 menyatakan deposit itu adalah pengambilan deposit yang menjanji dividen dan pada bila-bila masa deposit itu boleh dikembalikan. Maka adalah jelas sifat deposit itu ditentukan oleh terma pengambilan wang itu. Pada pendapat mahkamah, contoh yang paling jelas adalah simpanan tetap atau 'fixed deposit' yang dibuat oleh seorang pelanggan bank. Deposit itu menjanji satu pulangan dividen dan pulangan prinsipal sepenuhnya di akhir tempoh simpanan itu. Maka, adakah pembayaran yang dibuat oleh SP1 merupakan satu deposit seperti yang dijelaskan oleh SP2 atau seperti yang terdapat di dalam fakta kes *Gemilang Mirza Sdn Bhd* dan *Arbae'i Othman*?

[31] Pada pendapat mahkamah ini, berpandukan keterangan SP2 jawapannya adalah tidak. lni adalah kerana pihak pendakwaan telah gagalmembuktikan adanya satu perjanjian di antara SP1 dengan perayu yang menetapkan terma pembayaran semula itu. SP1 mendakwa pulangan itu dijamin tetapi tidak ada keterangan dokumentar yang menyokong dakwaan itu dan SP1 sendiri mengakui jaminan itu tidak dinyatakan di dalam laporan polis, eksh P1. Dengan yang demikian, pada pendapat mahkamah ini dapatan hakim MS di perenggan 100 alasan penghakiman beliau bahawa SP1 telah dijanjikan dengan pulangan tidak disokong oleh keterangan dokumentar dan merupakan satu kekhilafan.

[32] Pada pendapat mahkamah juga keterangan SP1 bahawa pelabur akan mendapat pulangan sebanyak 12% sebulan tidak boleh dianggap sebagai satu perjanjian kerana perkara itu hanya dibayangkan pada seminar mengenai pelaburan dagangan mata wang asing melalui FX United dan bukan satu keterangan akujanji daripada SP1.

[33] Walaupun TYMM tidak dilesenkan untuk menjalankan perniagaan dagangan mata wang asing, atau untuk menerima deposit, namun mahkamah mendapati itu bukan isu utama yang harus menjadi pertimbangan kerana adalah jelas aktiviti dagangan mata wang asing itu sebenarnya dilakukan oleh FX United seperti yang dinyatakan oleh SP1 dan SP4 dan bukan oleh perayu atau TYMM. Perayu hanya bertindak sebagai broker atau orang tengah yang menemukan SP1 dengan satu peluang pelaburan dagangan mata wang asing yang dijalankan oleh FX United manakala akaun TYMM digunakan semata untuk tujuan penerimaan wang yang bakal ditukarkan kepada *point* mata wang US Dollar. Kalaupun Mahkamah bersetuju terdapat satu pembayaran dan penerimaan deposit, pada pendapat mahkamah, deposit itu telah diterima sebenarnya oleh FX United kerana wang SP1 telah ditukar kepada *point* dan didaftarkan dengan FX United. Maka, penerima wang atau nilaian wang dalam bentuk *point* telah diterima oleh FX United sebagai pihak yang menjalankan perniagaan itu dan bukan perayu.

[34] Seterusnya, mahkamah berpendapat kegagalan pihak pendakwaan memanggil pemilik syarikat FX United sebagai saksi menyebabkan satu kelompangan di dalam kes pendakwaan. Adalah jelas pelaburan SP1, peranan perayu dan penggunaan akaun TYMM semuanya terkait dengan FX United dan Dato Amir yang telah disebut oleh SP4 di dalam keterangannya. Pada pendapat mahkamah ini Dato Amir itu merupakan saksi yang material untuk menjelaskan peranan perayu dan tujuan penerimaan wang daripada SP1. Walaupun pihak pendakwaan berhak untuk memilih tidak memanggil seseorang saksi, namun seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Collins Chigbo Chima v Public Prosecutor* [2019] MLJU 84; [2019] 1 LNS 107, hak itu tertakluk kepada beberapa syarat, antaranya, tidak ada penyembunyian keterangan (*suppression of evidence*), semua naratif kejadian adalah jelas dan kepentingan keterangan saksi itu kepada kes pendakwaan (*materiality or essentiality of witness*). Mahkamah Rayuan telah menyatakan:

> [46] We were of the considered view that the discretion whether to call or not to call a particular witness lies solely with the prosecution, albeit with certain conditions such as that there should be no oblique motive; no suppression of evidence; the full narrative is fully discharge and the materiality or essentiality of the witnesses to the prosecution (see *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 LNS 41; [1966] 27 MLJ 105; *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19).

[35] Pada pandangan mahkamah syarat itu tidak dipenuhi oleh pihak pendakwaan. Keterangan SP4 telah membangkitkan dengan jelas isu-isu berkaitan peranan FX United, Dato Amir, SP1 dan kaedah pembelian *point* yang tidak melibatkan pengambilan deposit. Maka, pada pendapat Mahkamah keterangan SP4 yang merupakan saksi pihak pendakwaan telah menimbulkan inferens bahawa perayu tidak mengambil deposit, beliau hanya menukar wang

kepada *point* US Dollar untuk didagangkan oleh FX United bagi pihak SP1 dan SP1 mempunyai akaun langsung dengan FX United.

[36] Berkaitan pertimbangan itu, mahkamah mendapati keterangan SP4 dengan jelas menyokong pembelaan perayu bahawa beliau hanya sebagai pihak tengah yang menukarkan pelaburan SP1 kepada *point* yang kemudian digunakan untuk dagangan mata wang asing oleh FX United. Bahkan SP4 sendiri telah menyatakan tidak ada unsur pengambilan deposit. Keterangan SP4 merupakan sebahagian dari kes pendakwaan dan pihak pendakwaan adalah terikat dengan keterangan itu. Pihak pendakwaan tidak mempertikai keterangan SP4 mengenai perkara-perkara tadi. Adalah menjadi prinsip undang-undang keterangan bahawa pihak yang memanggil seseorang saksi adalah terikat dengan keterangan saksi itu (lihat *John Nyumbei v Public Prosecutor* [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509). Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ho Tze Kean v Public Prosecutor & Another Appeal* [2018] 2 MLJ 721; [2018] 3 CLJ 71 telah merujuk kepada kes *John Nyumbei* dalam keputusannya di mana hakim Kamardin Hashim HMR telah menyatakan:

> [35] We have perused the learned judge's grounds of judgment and we agreed that His Lordship did not at all consider the evidence of PW8 which supported the accused's defence. The learned judge commented that it is highly improbable that the accused's wife would have framed her husband into the commission of an offence. This is not the defence's version. The defence's version was that the accused was just helping the wife in her business. Without considering the evidence given by PW8 which corroborated the accused's evidence coupled with the fact that the accused's wife had gone into hiding, the learned trial judge branded the accused as an ignorance simpliciter for not examining the contents of the cream plastic bag.
>
> [36] In *John a/k Nyumbei v Public Prosecutor* [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509] this court had decided as follows:
>
> > Now, among the general rules that govern judicial appreciation of evidence in both civil and criminal causes in the adversarial system of justice *there is one fundamental importance. It is that* a *party is bound by the evidence of witnesses whom he calls in proof of his case.* See *Ratnavale v S Lourdenadin* [1988] 2 MLJ 371. (Emphasis added.)
>
> [37] The piece of evidence given by PW8 which supported the defence's version was not challenged and not even rebutted by the prosecution. Yet, we found that this piece of evidence was not considered by the learned trial judge when His Lordship evaluated the defence case.

[37] Mahkamah juga mendapati SP5 telah bersetuju dengan pihak pembelaan semasa Pemeriksaan Balas bahawa TYMM hanyalah satu platform atau saluran untuk penukaran wang kepada *point* US Dollar dan tidak ada unsur penerimaan deposit.

[38] Pada pendapat mahkamah, hakim MS telah gagal untuk menilai secara kritikal semua keterangan di akhir kes pendakwaan dalam mencapai dapatan dan keputusannya. hakim MS telah gagal memberi pertimbangan yang saksama terhadap keterangan SP4 yang mengikat kes pendakwaan. Dapatan hakim MS bahawa SP1 telah dijanjikan dengan pulangan oleh perayu tidak disokong oleh keterangan dokumentar atau keterangan lain yang jelas. Seterusnya hakim MS gagal menilai isu hubungan kontrak di antara SP1 dengan FX United dan kepada siapa terletaknya tanggungjawab membayar pulangan ke atas pelaburan itu.

[39] Setelah mempertimbangkan perkara dinyatakan di atas, mahkamah berpendapat pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu di peringkat kes pendakwaan dan perayu tidak sepatutnya diperintah untuk memasukkan pembelaannya. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan perjanjian dan terma atau 'terms' antara SP1 dengan perayu berkenaan bayaran pulangan atau pembayaran kembali yang menjadi intipati kepada definisi 'deposit' di bawah s 136 Akta. Oleh sebab intipati elemen 'deposit' di bawah s 136 Akta tidak dibuktikan maka perayu tidak boleh dikatakan telah menerima deposit di bawah s 137 Akta seperti dialam pertuduhan.

KEPUTUSAN

[40] Dengan yang demikian, mahkamah membenarkan rayuan perayu terhadap sabitan. Sabitan dan hukuman yang telah diperintahkan oleh mahkamah sesyen pada 9 Mac 2020 terhadap perayu adalah diketepikan dan perayu adalah dilepaskan dan dibebaskan.

Rayuan diterima; perayu dilepaskan dan dibebaskan.

Reported by Muhamad Azham Marwan